



BUDIMAN MOHD. ZOHDI (depan) memperkatakan sesuatu kepada Jurutera JPS, Salfarina Mohd. Shariff ketika melakukan tinjauan di muara sungai dan jeti nelayan Pasir Panjang, Sabak Bernam Selangor, baru-baru ini.

JPS bakal laksana kerja mendalamkan muara sungai

Isu muara cetek dijangka selesai

Oleh **MOHD. HUSSAIRY SIDEK**
kota@utusangroup.com.my

■ **SABAK BERNAM 30 JAN.**

MASALAH nelayan pesisir pantai di kawasan Pasir Panjang, di sini yang mengalami kesukaran untuk keluar dan pulang dari laut akibat muara sungai cetek bakal diselesaikan tidak lama lagi.

Penyelesaian itu dinyatakan Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi selepas pihaknya mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara sungai di kawasan Pintu Air Parit 10.

"Sebelum ini, saya menerima rungutan kira-kira 60 ne-

layan pesisir pantai di kawasan ini mengenai masalah pintu air tidak dibuka mengikut jadual yang sepatutnya. Pintu air tersebut berfungsi untuk mengeluarkan air dari kawasan sawah ke dalam sungai berkenaan.

"Apabila pintu air tidak dibuka, ia menyebabkan muara sungai menjadi kering dan berlumpur dan menyukarkan para nelayan untuk keluar dan pulang dari laut.

"Bagaimanapun, masalah ini akan diselesaikan menerusi kerja-kerja mendalamkan muara sungai terbabit yang mana ia akan dilakukan selepas pihak JPS selesai melakukan proses perancangan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Tambah Budiman, beliau

difahamkan sebaik sahaja proses perancangan selesai dilakukan oleh JPS, kerja-kerja mendalamkan muara sungai tersebut akan melibatkan kedalaman sehingga 500 meter yang diharapkan akan menyelesaikan masalah berkenaan.

Pada masa sama, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Ne-geri (ADUN) Sungai Panjang itu turut meminta pihak JPS membuat pemantauan jadual pintu air di kawasan Pasir Panjang supaya masalah yang dihadapi para nelayan itu tidak berulang.

Malah, beliau turut mencadangkan supaya jabatan itu menggantikannya operasi pintu air dengan sistem yang lebih moden dan mampu beroperasi secara automatik.